

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1/1995

PERWAKILAN KUASA UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN MILIK TANAH KEPADA PENTADBIR TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK Bil. 2/79/95(32) di dalam sidangnyanya pada 1 Februari 1995 telah membuat keputusan bahawa kuasa meluluskan permohonan milik tanah yang diberikan kepada Pentadbir Tanah adalah sebagaimana yang telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Kn. PU.2 bertarikh pada 16 Januari 1992. Had-had kuasa itu adalah sebagaimana berikut:-

(1) Pegawai-Pegawai	(2) Peruntukan- Peruntukan	(3) Syarat-Syarat dan Sekatan Kepentingan
Pentadbir Tanah Jajahan	Seksyen 42 KTN No.56 Tahun 1965	(i) Kuasa memberi milik tanah desa untuk kegunaan pertanian dibawah Hakmilik Pejabat Tanah menurut Seksyen 76 KTN bagi lot-lot yang berkeluasan tidak lebih daripada 4 hektar dengan syarat-syarat bahawa tanah tersebut :-

		<p>(a) tidak mengandung mana-mana bahagian tanah kerajaan yang berkeluasan lebih daripada 20 hektar;</p> <p>(b) tidak sesuai untuk sebarang rancangan kerajaan;</p> <p>(c) tidak berdampingan dengan mana-mana sungai atau carok atau tepi pantai atau berhadapan dengan suatu jalan raya; dan</p> <p>(d) tanah-tanah itu tidak terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan</p> <p>(ii) Kuasa membenar dan mengeluarkan lesen-lesen menduduki sementara bagi tanah desa menurut Seksyen 65, 66 dan 67 KTN bagi lot-lot yang berkeluasan tidak lebih daripada 1.60 hektar.</p>
--	--	---

2. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini maka perenggan 4.2.5 di dalam Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 5/91 terbatal setakat mana ianya bercanggah dengan had kuasa yang telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Kn.PU.2 seperti mana di atas.

t.t

(KHALID BIN KHADIR)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

YABrs. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Tuan Hj. Ab. Halim bin Ab. Rahman).
3. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Dato'Haji Mohd. Rozali bin Isohak).
4. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
5. Y.B.M Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. Y.B Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan (PKINK).
8. Y.A.Brs. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
(KESEDAR)
9. Y.A. Brs. Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)
10. Y.A.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
11. Y.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G. KN. SULIT 1375 JLD.2
BERTARIKH : 16 FEBRUARI 1995**